

Subjek: Pendidikan Kesihatan Tahun 6

UNIT 8: Awas, Sebaran Penyakit!

Tajuk: Mari Elak, Sebelum Merebak

Aktiviti: Isi tempat kosong yang berikut dengan jawapan yang betul mengenai gejala dan tanda penyakit serta cara mencegah penyakit di bawah ini. Seretkan kotak jawapan ke tempat yang betul.

vaksin	taun	air	tercemar	banjir
cirit-birit	dimasak	usus kecil	cengkung	langsung

#### Penyakit taun

Taun adalah penyakit akibat jangkitan bakteria *vibrio cholera* pada ..... Penyakit ini merabak melalui makanan dan minuman yang tercemar dengan kuman..... Pesakit akan mengalami muntah-muntah dan cirit-birit sehingga mata menjadi ..... Badan pesakit akan lesu dan otot menjadi kejang. Penyakit ini biasanya berlaku pada musim ..... Kita perlu mengamalkan kebersihan diri dan mengelakkan makanan dan minuman yang dicemari dengan kuman taun. Makanan yang tidak bersih perlu dielakkan.

#### Penyakit Hepatitis A

Penyakit ini merebak melalui makanan dan ..... yang mendapat sentuhan..... daripada penghidap atau pembawa Hepatitis A. Cara mencegah penyakit ini adalah kita harus mengamalkan makanan dan minuman yang bersih. Pengendali makanan juga harus diberi .....

#### Penyakit Disenteri

Penyakit ini dikenali juga sebagai ..... berdarah. Penyakit ini juga berpunca daripada makanan dan air yang ..... Penyakit ini mungkin juga berlaku kerana makanan dan minuman yang tidak dimasak dengan sempurna. Cara mencegah adalah dengan cara makan makanan dan minum air yang bersih atau ..... dengan sempurna.